



IDRIS JUSOH (tiga dari kanan) menunjukkan isyarat bagus selepas mencuba jentolak penuai kelapa sawit dan E-cutter ketika merasmikan majlis mempromosi Hasil Penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang, Selangor, semalam. Turut sama, pencipta E-cutter, Prof. Madya Dr. Norhisam Misron (dua dari kanan).

Universiti disaran komersialkan idea jana pendapatan

SERDANG 15 Feb. - Semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini disaran menjana sendiri pendapatan melalui pengkomersialan idea ke arah menjadi sebuah pusat pengajian tinggi yang lebih kompetitif dan berdaya saing.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kebanyakan universiti lebih tertumpu kepada pengkomersialan untuk menjual sesuatu produk atau teknologi sehingga terlupa bahawa cetusan idea yang baik juga boleh memberi pulangan keuntungan yang berlipat kali ganda.

Katanya, Malaysia memandang serius perkara tersebut terutama dalam merangsang universiti tempatan untuk menjana pendapatan sendiri seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025.

“Apabila bercakap tentang pengkomersialan idea, kita menyentuh tentang kajian, penerbitan, latihan, bakat dan perundingan. Kesemua perkara tersebut boleh dikenakan bayaran bagi membantu universiti menjana kewangan,” katanya dalam sidang akhbar sempena majlis Promosi Hasil Penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini

hari ini.

Tambah Idris, Malaysia berjaya menghasilkan 4,000 harta intelek dalam tempoh lima tahun dengan nilai komersial sebanyak empat peratus.

“Malaysia berada di tangga keenam serta tidak jauh ditinggalkan oleh Amerika Syarikat iaitu dengan pengkomersialan sebanyak 4.5 peratus,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerjasama antara UPM dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia berjaya membangunkan satu inovasi baharu dalam industri perladangan kelapa sawit.

Jelasnya, melalui ciptaan *E-Cutter* adalah pelengkap kepada alatan menuai kelapa sawit yang sedia ada yang menggunakan kaedah manual seperti galah atau sabit.

“Inovasi ini adalah penambahbaikan kepada teknologi pemotong kelapa sawit bermotor yang dikenali sebagai cantas iaitu dengan menggantikan konsep mekanikal kepada elektrik.

“Penggunaan produk inovasi ini dijangka lebih ekonomi serta mesra alam selain dapat mempercepatkan proses penuaian kelapa sawit sekaligus meningkatkan hasil tuaian,” katanya.